

BANTE^RRAS


BEBAS *TELUS* PROFESIONAL

Peperangan Menentang Rasuah

Mencegah Rasuah Bukan Tugas
Eksklusif Kerajaan - Pegawai PBB

MACA : Pusat Pengajian
Antarabangsa (PPA)

Pemeriksaan dan Perundingan,
Menutup Ruang dan Peluang Rasuah



LAPORKAN SEBARANG AKTIVITI RASUAH ATAU PENYALAHGUNAAN KUASA KEPADA KAMI
ANDA BOLEH LAKUKAN PERUBAHAN
PERANGI RASUAH





03 | Nota Pengarang



10-11 | Membina Komitmen Organisasi



17 | Ikrar Integriti Bukti PKNS Komited Sokong Usaha Cegah Rasuah



26-27 | Bangga Suamiku Pegawai SPRM



04-05 | Peperangan Menentang Rasuah



12 | Yang Menarik




18-19 | MACA : Pusat Pengajian Antarabangsa



28 | Media Menjadi Penyampai Utama Kepada Masyarakat



06 | Pelan Pengurusan Risiko Rasuah



13 | Statistik Tangkapan : Januari hingga November 2012



20-21 | Dari Mahkamah



29 | Modul Integriti Pencegahan Rasuah Dalam Mata Pelajaran



07 | Eksklusif Bersama... Dato' Haji Shamshun Baharin bin Mohd Jamil



15 | IACA Tandatangani Perjanjian Dengan SPRM



22-23 | Pemeriksaan dan Perundingan, Menutup Ruang dan Peluang Rasuah



30 | Boleh Siasat Walaupun Tanpa Laporan atau Aduan Rasmi



08-09 | Bersama Panel : Mencegah Rasuah Bukan Tugas Eksklusif Kerajaan-Pegawai PBB



16 | Interaksi Umum



25 | Jaminan Keselamatan SPRM

Nota Pengarang

TPj Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil
Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

SPRM Bebas Menyiasat

Sejak bertukar nama daripada Badan Pencegah Rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, agensi ini bergerak dengan berprinsipkan Bebas, Telus dan Profesional sebagai pegangan jitu dalam pelaksanaan operasinya membanteras rasuah di negara ini.

Dalam konteks ini, Bebas bermaksud suruhanjaya ini tidak dipengaruhi dalam proses membuat keputusan, manakala perjalanan tugas hariannya tidak dirujuk kepada mana-mana pihak.

Bebas kerana dalam menjalankan operasinya, suruhanjaya ini dipantau lima panel bebas yang ditubuhkan oleh SPRM ekoran banyak tohmahan dan tuduhan yang ketika itu kononnya agensi ini tiada kebebasan, dan banyak kes rasuah ditutup sewenang-wenangnya di atas arahan orang lain.

Panel Penilaian Operasi merupakan salah satu dari lima panel yang diwujudkan yang bertindak sebagai check and balance terhadap SPRM dalam melaksanakan peranan dan fungsinya, sebagai panel yang menentukan sesuatu kes rasuah itu disiasat, ditutup atau mencadangkan supaya sesuatu kes itu dikaji atau disiasat semula sekiranya anggota panel seramai lapan orang itu tidak berpuashati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat SPRM.

Panel ini disahkan benar-benar bebas kerana anggotanya dilantik dari kalangan profesional yang berintegriti dan tidak mewakili mana-mana pihak. Oleh itu, tidak akan timbul isu kuasa atau kebebasannya dipersoalkan kerana secara faktanya tidak pernah berlaku campurtangan luar dalam membuat keputusan.



Namun persepsi umum yang diterima oleh sebahagian masyarakat dari sumber yang tidak lengkap dan tidak sahih, telah membentuk pemikiran dan pegangan sehingga apa juga usaha yang dilakukan dianggap tidak bebas dan tidak telus.

Oleh hal yang demikian, disebabkan persepsi negatif ini, parti-parti pembangkang cenderung mempolitikakan isu rasuah manakala beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendakwa SPRM hanya akan bertindak dengan segera jika perbuatan rasuah itu melibatkan pemimpin kerajaan. Jelas di sini bahawa, persepsi negatif ini menjadi musuh yang perlu ditangani oleh SPRM bagi mengembalikan keyakinan umum, seterusnya menggerak masyarakat bersama-sama memerangi rasuah.

Rasuah merupakan musuh masyarakat. Kesannya sudah terbukti di mana kerajaan hilang berbilion ringgit akibat rasuah. Memerangnya memerlukan komitmen semua pihak, rakyat, ahli politik, NGO dan seluruh kakitangan awam.

Menentang rasuah merupakan peperangan paling sukar. Ia tidak boleh dihapuskan dalam sekelip mata. Ianya memerlukan komitmen berterusan termasuk kesungguhan politik. Apa yang jelas, pembanteras rasuah di negara ini dilakukan secara bebas dan telus. Justeru itu, ia wajar diberi sokongan sepanjang masa. Ubah persepsi kita. Katakan tidak kepada rasuah. Anda Boleh Lakukan Perubahan, Perangi Rasuah.

SIDANG REDAKSI

Penerbit
Datuk Seri Abu Kassim Mohamed

Penasihat Eksekutif
Datuk Sutinah Sutan

Penerbit Eksekutif
Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil

Ketua Pengarang
Samsul Hj Salip

Pengarang
Muhammad Yusof Bahir

Pengarang Bersekutu
BERNAMA

Wartawan
Mohamad Tarmizie Abdul Manaf
Muhamad Shariffuddin Shaari
Faridah Mahabob
Mohd Azhar Ibrahim
(BERNAMA)

Unit Foto
Rosman Abu Bakar
Ahmad Faiz Md Isa
BERNAMA



Peperangan Menentang RASUAH

■ Oleh Datuk Seri Idris Jala

Memerangi rasuah seperti juga transformasi, akan mengambil masa yang panjang dan hasilnya tidak mungkin dapat dilihat dalam masa yang singkat.

Bercakap mengenai rasuah ia tidak semestinya tertakluk kepada usaha menentangnya tetapi sebenarnya mengenai perjuangannya lebih besar serta dipenuhi banyak 'pertempuran' yang mengambil masa sebelum mencapai kemenangan. Seperti kebanyakan negara, ia adalah peperangan berterusan.

Tiada negara yang berjaya melakukannya dalam sekelip mata. Hong Kong contohnya mengambil masa selama sepuluh tahun untuk menangani rasuah secara berkesan. Ia merupakan endemik bagi negara-negara di seluruh dunia dan ia berlaku dalam kebanyakan masyarakat maju dan moden di mana peperangan menentangnya tampak ketara.

Namun di Malaysia, ramai menjangka bahawa ianya boleh diperangi serta dibasmi dalam masa yang singkat dan hanya dapat dilakukan dengan kesungguhan politik. Ya, kehendak politik itu perlu tetapi bukanlah cukup sekadar itu sahaja. Banyak usaha perlu dilakukan dan ia memerlukan masa.

Ini adalah satu aspek transformasi di mana kita sentiasa berdepan jangkakan tidak realistik. Masyarakat mahu keputusan semalaman tetapi kita tidak dapat memberikan penyelesaian segera. Peperangan menentang rasuah adalah paling sukar. Selain masa ia memerlukan usaha pelbagai pihak.

Ini lebih rumit dengan adanya masalah pengukuran. Penulanan rasuah tidak boleh diukur dengan mudah. Apabila tindakan terhadap rasuah dilakukan sudah tentu bilangan mereka dibawa ke mahkamah lebih

tinggi, tetapi tidak bermakna gejala rasuah menurun.

Sama ada baik atau buruk, kita perlu bergantung kepada persepsi tentang penulanan rasuah daripada pandangan rakyat negara kita sendiri dan bagaimana warga asing melihatnya. Ada kalanya terdapat situasi yang mampu mengubah keputusan akhir daripada berpihak kepada kita.

Kita hendaklah mempertingkatkan lagi usaha memerangi rasuah tanpa ragu-rahu terutamanya apabila dua petunjuk umum rasuah iaitu Indeks Persepsi Ketelusan Rasuah Antarabangsa (CPI) dan tinjauan Barometer Rasuah Global, menunjukkan tiada perubahan ketara sejak dua tahun lepas - 2010 dan 2011. Tetapi apabila dilihat pada angkanya ia menunjukkan terdapat sedikit kemajuan.

Pada tahun 2010, skor CPI Malaysia adalah 4.4 sebagai skor purata daripada sembilan kaji selidik. Kemudian, pada tahun 2011, skor CPI Malaysia adalah 4.3 sebagai skor purata daripada 12 kaji selidik. Ini menunjukkan terdapat tiga tambahan kaji selidik. Kedudukan Malaysia merosot kepada 4.3 daripada 4.4 (Tiada negara mendapat 10 mata, yang tertinggi. New Zealand mendahului dengan 9.5 manakala Singapura di tempat kelima dengan 9.2).

Perubahan dalam skor CPI (-0.1) adalah disebabkan oleh pertambahan tiga kaji selidik yang mempunyai skor sangat rendah, sekali gus menjatuhkan purata keputusannya. Sekiranya tiga kaji selidik ini tidak ditambah, skor CPI Malaysia akan meningkat. Salah satu kaji selidik baru yang dimasukkan adalah Indeks Ketelusan Pemberian Rasuah Antarabangsa.

Tinjauan ini menunjukkan rakyat Malaysia mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk memberi rasuah

apabila berkhidmat atau beroperasi di negara lain. Saya yakin bahawa tanpa tinjauan itu, CPI kita telah meningkat. Persepsi bahawa rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara cenderung memberi rasuah telah menjejaskan CPI negara kita.

Selain itu, kedudukan kita adalah 60 daripada 183 negara pada tahun 2011 berbanding 56 daripada 178 negara pada tahun 2010. Di ASEAN, Malaysia di tempat ketiga selepas Singapura dan Brunei.

Dalam tinjauan barometer tahun 2011 yang dijalankan oleh Transparency International, 49 peratus rakyat Malaysia berpendapat bahawa usaha kerajaan menentang rasuah adalah berkesan atau sangat berkesan, ia meningkat daripada 48 peratus pada tahun 2010. Bagaimanapun, ini adalah satu peningkatan yang besar dari 2009 di mana hanya 29 peratus rakyat kita yang berpendapat bahawa usaha Kerajaan membasmi rasuah adalah berkesan.

Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian menunjukkan bahawa kita sudah mencapai beberapa kemajuan dari segi persepsi rasuah dan bilangan rakyat yang mempunyai keyakinan bahawa sesuatu sedang dilakukan.

Masyarakat berpendapat kita perlu menagkap 'ikan besar' dahulu. Tetapi ianya tidak semudah itu. Proses pengumpulan bukti bukanlah mudah dan kehadiran rasuah boleh menjadikan proses ini lebih sukar.

Bagaimanapun perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah meletakkan asasnya. Ia mungkin dilihat sebagai suatu permulaan yang kecil, tetapi sebenarnya tidak. Setiap usaha besar memerlukan asas yang betul terlebih dahulu.

Berikut merupakan usaha asas yang telah dijalankan:

- Peruntukan pemberi maklumat. Garis panduan pelaksanaan telah dikeluarkan pada Mac tahun lepas. Agensi sudah pun memproses aduan salah laku di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Sehingga kini, terdapat 28 kes dilaporkan.

- Persepakatan Integriti. Mass Rapid Transit (MRT) merupakan projek skala besar pertama yang melaksanakan Persepakatan Integriti sepenuhnya. Sebuah badan pengawasan yang membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ditubuhkan. Turut terbabat, satu sistem pemantauan bebas luaran yang diketuai oleh Ketua Audit Negara telah ditubuhkan bagi memastikan pematuhan kepada terma Persepakatan Integriti.

- Menyegerakan pendakwaan. Untuk mempercepatkan pendakwaan, 14 mahkamah khas rasuah telah ditubuhkan sejak Februari tahun lepas dengan lebih 250 kes sudah diproses.

- Penyeneraian dan pendedahan pelaku. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menubuhkan laman web untuk menyenaraikan mereka yang telah didakwa atas kesalahan rasuah. Ini menawarkan pangkalan data untuk pihak yang berminat dan bertindak sebagai pencegah rasuah. Terdapat 710 penyeneraian sehingga kini.

- Tender kompetitif dan terbuka. Kita sentiasa mengambil peluang yang ada untuk menawarkan tender secara terbuka untuk tujuan perolehan Kerajaan. Bagi meningkatkan ketelusan, Portal MyProcurement yang menyenaraikan 5157 kontrak kerajaan dalam talian pada tahun 2011 telah disediakan.

- Pengurangan kerenah birokrasi dalam permohonan lesen perniagaan. Kita mengurangkan bilangan lesen yang diperlukan daripada 780 kepada 375 dan menjimatkan RM730 juta. Peluang berlakunya rasuah akan berkurangan daripada inisiatif ini.

Ini hanyalah sebahagian daripada langkah-langkah yang sedang dilaksanakan. Misi jangka panjang kami ialah membina tembok untuk memerangi rasuah dengan meletakkan asas yang sepatutnya. Ianya sama penting dengan pendakwaan.

Beberapa langkah yang diambil telah secara langsung membantu mempertingkatkan pendapatan kerajaan. Sebagai contoh, berikutan siasatan



SAMA ADA BAIK ATAU BURUK, KITA PERLU BERGANTUNG KEPADA PERSEPSI TENTANG PENULANAN RASUAH DARIPADA PANDANGAN RAKYAT NEGARA KITA SENDIRI DAN BAGAIMANA WARGA ASING MELIHATNYA. ADA KALANYA TERDAPAT SITUASI YANG MAMPU MENGUBAH KEPUTUSAN AKHIR DARIPADA BERPIHAK KEPADA KITA.

SPRM ke atas Jabatan Kastam Malaysia, kutipan cukai kastam telah meningkat kepada paras tertinggi sebanyak RM30.4 bilion tahun lalu. Rekod tertinggi sebelum ini ialah RM28.6 bilion pada tahun 2008. Tahun ini, Jabatan itu menjangkakan kutipan RM32 bilion.

Di samping itu, perubahan dan pembaharuan yang telah kita lakukan sudah menampakkan hasilnya dengan pelabur asing. Menurut tinjauan yang dijalankan oleh Dewan Perdagangan Amerika (AMCHAM) di Singapura, isu rasuah yang sekian lama membayangi rantau ini telah bertambah baik dengan hanya 35 peratus responden melaporkan rasa tidak puas hati pada 2011 berbanding 63 peratus pada 2010. Firma perundingan A.T. Kearney juga telah mengiktiraf Malaysia sebagai antara 10 negara teratas dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing tahun 2012.

Kami mengambil usaha yang serius untuk memerangi rasuah dan faedahnya besar. Sama seperti transformasi ia ibarat maraton dan bukannya larian pecut. Kita memerlukan masa.


Anda boleh melaksanakan tanggungjawab dengan hanya menyatakan keengganan menjadi sebahagian daripada amalan rasuah dan membuat laporan apabila berdepan dengannya. Ini akan dapat membantu dengan begitu baik sekali.

Datuk Seri Idris Jala is Performance merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian (PEMANDU). Beliau juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Artikel asal boleh dilihat di www.idrisjala.my/waging-the-war-against-corruption



PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dilaksanakan bagi meminimumkan atau menghapuskan sama sekali risiko rasuah dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti utama badan awam. Sebanyak 13 agensi telah mendapatkan bantuan untuk menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah sepanjang tahun 2012 berbanding 8 agensi pada tahun 2011 (Sila rujuk Jadual 1)



Jadual 1: Antara Agensi Yang Telah Mendapatkan Bantuan Untuk Menyediakan Pelan Pengurusan Risiko

BIL	JABATAN	TARIKH
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	14 hingga 16 Mac 2012
2	Unit Kerjasama Awam Swasta JPM	24 hingga 26 April 2012
3	Unit Perancang Ekonomi JPM	6 hingga 8 Mei 2012
4	MACA / Pegawai Integriti Bertauliah	7 hingga 11 Mei 2012
5	Kementerian Dalam Negeri	19 hingga 21 Mac 2012
6	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	23 hingga 24 Mei 2012
7	Kementerian Dalam Negeri	24 hingga 27 Jun 2012
8	Lembaga Nenas Johor	25 hingga 27 Jun 2012
9	Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat	28 hingga 30 Jun 2012

Dato' Haji Shamsun Baharin bin Mohd Jamil
Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat

Pertama kali bersua muka, pasti ramai yang menyangka beliau seorang yang tegas dan mungkin juga garang. Kata pepatah, tak kenal maka tak cinta. Bertemu muka dan berbual secara santai, beliau sebenarnya seorang yang peramah dan mempunyai ilmu pengetahuan tinggi. Namun begitu, temuramah bersama beliau kali ini akan menyingkap peribadi beliau di luar pejabat.

Memulakan tugas di Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada tahun 1984, beliau dikenali dengan nama Carlos di kalangan rakan-rakan rapat dan pegawai serta kakitangan BPR. Menceritakan bagaimana teretusnya nama tersebut, beliau berkata, beliau merupakan seorang yang aktif bermain bola sepak. Nama Carlos merupakan singkatan kepada nama pemain bola sepak Brazil yang beliau minati iaitu Roberto Carlos. Selain itu, nama Carlos juga berkait dengan minat beliau kepada muzik yang dibawa oleh kumpulan Santana terutamanya gitaris kumpulan tersebut iaitu Carlos Santana.

Dato' Haji Shamsun gemar menghabiskan masa lapang beliau dengan bersukan. Menurut beliau, semenjak di bangku sekolah lagi beliau telah bergiat aktif dalam bola sepak. Beliau menegaskan bersukan atau beriadah adalah penting. Terdapat perbezaan antara orang yang bekerja tanpa bersukan dengan orang yang bekerja dan bersukan akan kelihatan aktif walaupun penat, berlainan dengan orang yang tidak bersukan. Apabila terlalu banyak beban kerja yang ditanggung dan tiada masa untuk melepaskan tekanan, ia boleh menyebabkan seseorang itu jatuh sakit atau pun mengalami tekanan.

Tambah beliau, walau sesibuk mana pun beliau akan cuba mencari masa untuk bersukan. Namun keaktifan beliau kini sedikit terbatas lantaran beliau disahkan menghidap penyakit jantung. Ketika ditanya punca penyakit tersebut, beliau berkata ia disebabkan oleh kekangan masa serta bebanan tugas menyebabkan beliau tidak lagi aktif dalam bidang sukan. Di samping itu, faktor pemakanan juga turut menjadi punca kepada penyakit tersebut.

Hikmah di sebalik penyakit itu beliau berkata, kini beliau mengamalkan gaya hidup sihat seperti yang disa-

rankan. Walaupun tidak lagi bergiat aktif di arena bola sepak, beliau kini memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa dalam Jawatankuasa Integriti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Ternyata beliau dan bola sepak tidak dapat dipisahkan. Selain itu beliau juga banyak menghabiskan masa dengan bermain boling dan golf di samping melakukan aktiviti bersama keluarganya.

Akhir kata daripada beliau, waktu bekerja maka bekerjalah bersungguh-sungguh namun kesihatan jangan sekali-kali diabaikan.



MENCEGAH RASUAH BUKAN TUGAS EKSKLUSIF KERAJAAN-PEGAWAI PBB



Datuk Seri Azman Ujang

Anggapan bahawa memerangi rasuah adalah tanggungjawab kerajaan perlu diubah kerana ianya harus dipikul bersama dengan sektor swasta, seorang pegawai kanan dari Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) berkata di Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) baru-baru ini.

Tanggapan ini perlu diubah. Pada hakikatnya, sektor swasta memainkan peranan utama dan perlu berkembang maju. Ianya bukan tugas kerajaan semata-mata untuk melindungi masyarakat dan ekonomi negara daripada rasuah. Tugas ini memerlukan kerjasama semua pihak, kata Dmitri Vlassis kepada Bernama.

Peranan sektor swasta adalah penting kerana tanpa rasuah perniagaan dapat dijalankan dengan baik, katanya.

Vlassis, yang merupakan setiausaha agung wakil UNODC dan juga ketua jenayah ekonomi, menjadikan syarikat Siemens sebagai contoh. Syarikat multinasional elektronik dan kejuruteraan elektrik Jerman itu pernah didapati melakukan rasuah dalam menjalankan perniagaannya di seluruh dunia.

Ianya telah melumpuhkan operasi syarikat itu sehinggalah diambil alih oleh pengurusan baru yang mengamalkan polisi toleransi sifar terhadap rasuah barulah keuntungan syarikat dapat dilihat.

"Maka, sektor swasta perlu mengambil inisiatif untuk mengelak dari melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan supaya mereka tidak terjebak dengan rasuah," katanya.

Mengikut Vlassis statistik yang diperolehi daripada Tabung Kewangan Antarabangsa

(IMF) dan Bank Dunia jelas menunjukkan ada hubung kait antara rasuah dengan kegagalan ekonomi di negara-negara Eropah. Beliau menjadikan negaranya sendiri Greece sebagai contoh.

Tanpa segan silu, beliau mengakui negaranya telah dibelenggui rasuah sejak 35 tahun yang lalu. Walaupun krisis ekonomi Greece tidak disebabkan oleh rasuah semata-mata, ianya memainkan peranan yang besar dalam mengakibatkan krisis tersebut.

Vlassis berkata, rasuah tidak hanya berlaku di negara-negara membangun malah ianya juga kerap berlaku di negara-negara maju.

Akibat rasuah, sebahagian besar sumber yang dikhabiskan untuk pembangunan telah diseleweng untuk tujuan lain. Ini telah memberi kesan negatif kepada pembangunan di negara itu.

Perhimpunan Agung PBB mengakui bahawa rasuah membantutkan pembangunan. Pendapat ini semakin dipersetujui ramai di mana terdapat banyak perdebatan untuk menjadikan pencegahan rasuah sebagai matlamat utama dalam Agenda Pembangunan Baru pasca 2015 yang merupakan tarikh akhir bagi mencapai matlamat Pembangunan Milenium.

Beliau mengingatkan bahawa tidak ada jalan pintas dan mudah dalam pembanterasannya rasuah, dan kita tidak boleh berharap untuk mendapatkan hasil dengan cepat.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, PBB telah berjaya meletakkan memerangi rasuah sebagai agenda politik yang penting dan jelas kelihatan di mata

masyarakat antarabangsa.

Namun kita harus berwaspada dalam meletakkan harapan yang tinggi bahawa masalah rasuah dapat ditangani dengan hanya menganjurkan konvensyen atau mekanisme lain. Jika kita tidak berhati-hati ianya akan menjurus kepada sifat acuh tak acuh, kata Vlassis.

Vlassis percaya bahawa usaha pencegahan rasuah memerlukan masa yang lama serta usaha yang berterusan. Beliau berpendapat bahawa rasuah tidak mungkin dapat dihapuskan semasa hayatnya tetapi usaha pencegahan mungkin dapat dilakukan oleh generasi akan datang.

Vlassis berkata generasi baru perlu menggunakan pendidikan sebagai pendekatan penting dalam memerangi rasuah kerana ianya bukan sahaja dapat menanam sifat benci rasuah tetapi juga memudahkan generasi muda untuk mengatakan 'tidak' kepada rasuah.

Beliau juga menyentuh tentang betapa pentingnya pihak kerajaan dan sektor swasta menzahirkan kemahuan politik dan komitmen terhadap memerangi dan menolak amalan rasuah dalam operasi perniagaan.

Pihak kerajaan seharusnya memberi mesej yang jelas tentang memerangi rasuah dengan mengenakan tindakan undang-undang secara menyeluruh terhadap pesalah rasuah tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

Vlassis berkata persidangan antarabangsa IAACA 2012 yang dihoskan oleh SPRM pada awal Oktober, menunjukkan Malaysia komited dalam memerangi rasuah di peringkat nasional mahupun antarabangsa.



Datuk Seri Azman Ujang merupakan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah SPRM

MEMBINA KOMITMEN ORGANISASI



Adalah penting untuk menyedari bahawa komitmen organisasi tiada kaitannya dengan kepuasan bekerja. Sebagai contoh, seorang jururawat mungkin benar-benar suka akan tugasnya tetapi tidak suka hospital di mana beliau bekerja. Ini menyebabkan beliau mencari pekerjaan yang sama di tempat lain. Atas dasar yang sama, seorang pelayan mungkin berperasaan positif mengenai restoran di mana beliau bekerja tetapi mungkin tidak suka melayan pelanggan. Masalah yang kompleks ini menggambarkan betapa pentingnya mengkaji komitmen sesebuah organisasi.

Sifat komited kepada sesuatu organisasi tidak terhad kepada hanya berkata "ya" atau "tidak", ataupun "berapa banyak?". Komitmen ini boleh diklasifikasikan mengikut jenis. Menurut Snape, E., & Redman, T. (2003) dalam Jurnal Psikologi Gunaan, 88, halaman 152-159, saintis telah merumuskan bahawa terdapat tiga jenis perbezaan komitmen yang boleh dilihat di bawah:

Komitmen Berterusan - hanya merujuk kepada kekuatan kemahuan

seseorang untuk terus bekerja dengan sesebuah organisasi disebabkan kepada kepercayaan bahawa jika organisasi itu ditinggalkan, beliau mungkin tidak akan mendapat imbuhan yang sama di tempat lain. Semakin lama mereka kekal dalam sesebuah organisasi maka semakin banyaklah imbuhan yang mereka akan kehilangan (sebagai contoh: pelan persaraan, sahabat rapat). Banyak individu komited untuk terus bekerja di tempat yang sama kerana mereka tidak sanggup menghadapi risiko kehilangan perkara sedemikian. Individu ini bolehlah dikatakan mempunyai tahap komitmen berterusan yang tinggi.

Jenis komitmen organisasi yang kedua adalah **komitmen afektif**. Ini merujuk kepada kekuatan keinginan seseorang untuk terus bekerja di sesebuah organisasi kerana bersetuju dengan matlamat dan nilai organisasi tersebut. Mereka yang merasai tahap komitmen afektif yang tinggi mempunyai keinginan untuk terus kekal dalam sesebuah organisasi kerana mereka menyokong matlamat organisasi tersebut dan bersedia membantu dalam menjayakan misinya.

Jenis komitmen organisasi yang ketiga adalah **komitmen normatif**. Ini merujuk kepada perasaan obligasi pekerja untuk kekal dalam sesebuah organisasi kerana tekanan daripada orang lain. Mereka yang mempunyai tahap komitmen normatif yang tinggi sangat bimbang tentang persepsi orang lain jika mereka meninggalkan sesuatu organisasi. Mereka tidak mahu mengecewakan majikan dan bimbang rakan sekerja akan berprasangka buruk jika mereka meletak jawatan.

Mengapa sebuah organisasi berusaha untuk mempunyai tenaga kerja yang komited?. Seperti yang dapat dibayangkan, mereka yang amat komited terhadap organisasi akan berkelakuan berbeza daripada yang tidak komited. Lee, K., Carswell, JJ & Allen, NJ (2000) telah membincangkan perkara ini dalam Jurnal Psikologi Gunaan, 85, halaman 799-811 dan mendapati beberapa aspek utama tingkah laku kerja telah dikaitkan dengan komitmen organisasi seperti situasi di bawah:

- Pekerja yang komited kurang berkemungkinan menjadi murung – Semakin tinggi komitmen pekerja terhadap organisasinya

semakin kurangnya kemungkinan untuk meletak jawatan dan tidak hadir ke tempat kerja. Pekerja akan terus kekal dalam pekerjaan mereka dan hadir apabila khidmat mereka diperlukan sekiranya mereka menjadi lebih komited

- Pekerja Yang Komited Sedia Berkorban Untuk Organisasi Mereka – Selain dari terus kekal dalam organisasi, mereka yang sangat komited menunjukkan kesediaan yang tinggi untuk berkongsi dan berkorban demi memajukan organisasi tersebut.

Melihat kepada kebaikan daripada komitmen organisasi secara logiknya, organisasi akan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk meningkatkan komitmen di kalangan pekerja. Oleh itu, bagaimana perkara ini dapat dicapai?

Beberapa penentu komitmen organisasi berada di luar lingkungan kawalan pengurus menyebabkan tidak banyak peluang untuk mereka meningkatkan perasaan ini. Sebagai contoh, komitmen cenderung menjadi lebih rendah dalam keadaan di mana keadaan ekonomi menyediakan banyak peluang pekerjaan. Dengan adanya banyak pilihan pekerjaan pastinya dapat mengurangkan komitmen berterusan dan tidak banyak yang syarikat boleh lakukan mengenainya. Walau bagaimanapun, pengurus tidak boleh mengawal ekonomi luaran, mereka boleh melakukan beberapa perkara supaya pekerja mahu terus kekal bekerja di organisasi tersebut iaitu dengan meningkatkan komitmen afektif. Inisiatif-inisiatif di bawah perlu dipertimbangkan oleh pengurus-pengurus sebagai cara untuk membangunkan komitmen organisasi.

Memperkayakan kerja – Pekerja adalah cenderung untuk menjadi sangat komited kepada organisasi mereka hingga ke suatu tahap mereka berpeluang baik untuk mengawal cara mereka melakukan kerja dan diiktiraf jika melakukan sumbangan penting. Itulah apa yang kami katakan sebagai memperkayakan kerja. Memperkayakan kerja bukan sahaja memberikan lebih

banyak kerja untuk dilakukan oleh pekerja tetapi peluang melakukannya pada tahap kemahiran dan tanggungjawab yang lebih tinggi. Secara khusus, memperkayakan kerja memberi pekerja peluang untuk mempunyai kawalan yang lebih besar ke atas usaha bagaimana untuk melakukan tugas mereka. Idea asas di sebalik memperkayakan kerja adalah dengan member tugas yang lebih menarik kepada pekerja, mereka akan mempunyai motivasi yang tinggi dalam melaksanakannya.

Menurut Lonergan, JM, & Maher, KJ (2000) dalam Jurnal Kelakuan Sosial dan Personaliti, 15 halaman 213-224. Baru-baru ini, kesan memperkayakan pekerjaan telah dikenalpasti. Pekerja yang melakukan kerja yang diperkaya kurang berlelah-lelah daripada pekerja yang melakukan pekerjaan yang lebih standard. Teknik ini berjalan dengan baik untuk Syarikat Motor Ford. Menurut kata Pengarah Pembangunan Pekerja Ford, Ernest J. Savoie,:

“Satu-satunya penyelesaian bagi Ford yang kami tentukan, adalah transformasi keseluruhan syarikat kami untuk melaksanakannya, kami perlu mendapatkan komitmen kesemua pekerja Ford. Dan untuk memperolehi komitmen itu, kami terpaksa menukar cara kami menguruskan kakitangan “

Kemudiannya, Ford memulakan program Penglibatan Pekerja, ia adalah usaha sistematik untuk melibatkan pekerja dalam banyak aspek semasa membuat keputusan korporat. Mereka bukan sahaja dapat melaksanakan pelbagai tugas tetapi juga menikmati autonomi yang besar dalam melakukannya. Selepas beberapa tahun program itu dijalankan, pekerja-pekerja Ford menjadi lebih komited dengan pekerjaan mereka. Kini, Ford telah kembali berdaya saing dalam industri kereta dunia. Walaupun penglibatan pekerja tidak boleh menjadi penawar untuk semua masalah komitmen, dalam kes ini, ianya jelas amat berkesan.

Menjajarkan Kepentingan Syarikat dengan Kepentingan Pekerja - Apabila melakukan sesuatu yang baik

untuk organisasi, buatlah juga sesuatu yang baik untuk pekerja. Ini selalunya akan menjadikan pekerja-pekerja sangat komited kepada organisasi tersebut. Banyak organisasi melakukannya secara langsung dengan memperkenalkan sebagai contoh, rancangan memuaskan - iaitu pelan insentif di mana pekerja menerima ganjaran berdasarkan pencapaian organisasi. Pencapaian juga perlu termasuk pekerja yang inovatif, cemerlang, kreatif dan cekap di sesuatu bahagian atau di semua bahagian dalam organisasi. Pelan itu selalunya agak berkesan dalam meningkatkan komitmen organisasi terutamanya apabila merasakan mereka ditadbir dengan saksama. Oleh itu, mereka melihat kepentingan mereka sendiri sebagai suatu usaha berterusan dengan organisasi mereka. Dan, apabila kepentingan ini sejajar, komitmen adalah tinggi. Ingat!, jangan sesekali menggunakan unsur kronisme atau persahabatan rapat dalam pelan ganjaran ini kerana ia akan mewujudkan kesan negatif di kalangan pekerja.

Melatih dan Memilih Pekerja-pekerja Baru Yang mempunyai nilai-nilai yang hampir sama dengan organisasi – Pengambilan pekerja-pekerja baru adalah penting bukan sahaja menyediakan peluang untuk mencari kakitangan yang mempunyai nilai-nilai yang bersesuaian dengan organisasi, tetapi juga melalui proses pengambilan yang dinamik itu sendiri. Khususnya, lebih banyak organisasi melabur dalam mendapatkan individu, lebih besar kemungkinan individu tersebut untuk memberi pelaburan tenaga yang sama dengan memberikan komitmen terhadap organisasi. Dalam erti kata lain, organisasi yang memperlihatkan kepada pekerjanya bahawa ia mengambil berat dan bekerja keras untuk mendapatkan mereka dan berkemungkinan besar menemui individu yang amat komited kepada organisasi.

Kesimpulannya komitmen organisasi merupakan satu sikap yang boleh dipengaruhi oleh tindakan pengurusan. Kita bukan sahaja boleh memilih individu yang komited untuk bekerja di organisasi. Malahan kita boleh juga memupuk sikap dedikasi dikalangan kakitangan.

Malaysia-Thailand Teruskan Kerjasama Banteras Rasuah

KUALA LUMPUR – Jenayah rasuah langkau sempadan seperti penyeludupan manusia, senjata api, bahan api dan pelbagai barangan larangan merupakan ancaman besar kepada negara. Usaha membanteras jenayah rasuah di sempadan ini perlu sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa, khususnya di sempadan Malaysia dan Thailand.

Prihatin dengan masalah bersama itu, Kerjasama membanteras jenayah rasuah langkau sempadan antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Kebangsaan Thailand (NACC) terus diperkasakan dengan termeterinya satu lagi momorandum

persefahaman (MoU) yang ditandatangani kedua-dua pihak pada 6 Oktober lepas.

MoU melibatkan kerjasama teknikal termasuk perkongsian maklumat, kepakaran, perisikan dalam operasi dan latihan itu dibentuk atas dasar persetujuan bersama bahawa jenayah rasuah di sempadan kedua-dua negara perlu sentiasa dipertingkatkan melalui kerjasama dua hala.

Dalam majlis diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur itu, SPRM diwakili Ketua Pesuruhjaya Datuk Seri Abu Kassim Mohamed manakala NACC diwakili Komisioner Prof. Pakdee Pothisiri dan disaksikan Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Puan Sri Zaitun Zawiyah Mohd. Puteh.

MLEC: Lahirkan Pemimpin Berintegriti

KUALA LUMPUR – Pusat Kecemerlangan Kepimpinan (MLEC) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dibangunkan sebagai pusat pembelajaran bertunjangkan integriti, bakal melahirkan lebih ramai pemimpin berintegriti di negara ini pada masa hadapan.

Ketika merasmikan MLEC di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia pada 23 Oktober lepas, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed berkata, pusat pembelajaran ini diyakini dapat membentuk kepimpinan SPRM dan agensi penguatkuasa lain untuk menerajui kejayaan organisasi masing-masing.

Pusat kecemerlangan ini merupakan inisiatif ketika berhadapan dengan perubahan besar yang bukan sahaja bakal berlaku dalam sektor organisasi, tetapi juga budaya dan cara kerja.

Dalam konteks ini, kepimpinan memainkan peranan yang penting dan kehendak kepada perubahan kepimpinan adalah sangat mendesak.

Menurut beliau lagi, terdapat tiga kualiti yang perlu ada kepada setiap pemimpin iaitu integriti, bijaksana dan bertenaga, tetapi ciri yang paling utama adalah integriti kerana kebijaksanaan dan tenaga sahaja tetapi tanpa integriti boleh memudaratkan.

Di majlis yang sama, Pengarah MACA Abdul Aziz Abdul Wahab memberitahu, MLEC merupakan sebahagian daripada usaha ke arah memperkasa dan mempromosikan imej MACA di peringkat serantau dan antarabangsa.

MLEC menyediakan empat modul berdasarkan gred jawatan iaitu



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed menyempurnakan pelancaran Pusat Kecemerlangan Kepimpinan (MLEC) bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Persiaran Duta baru-baru ini.. fotoBERNAMA (2012) HAKCIPTA TERPELIHARA


pemimpin muda, bakal pemimpin, pemimpinan dan pemimpin strategik dengan program yang dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.

Modul program yang pertama iaitu 'Pemimpin Strategik' disertai 15 orang pegawai kanan SPRM, tiga pegawai agensi penguatkuasa lain dan seorang peserta dari Kemboja telah dilaksanakan pada bulan Ogos lepas.

Seramai 2,600 pegawai SPRM layak mengikuti program ini yang turut ditawarkan kepada agensi lain di dalam dan luar negara bagi meningkatkan bidang operasi masing-masing.

STATISTIK TANGKAPAN

Januari hingga November 2012



SEKTOR	JUMLAH ORANG	PERATUSAN (%)
Penjawat Awam	254	39.87%
<input type="checkbox"/> Pengurusan Tertinggi	0	
<input type="checkbox"/> Pengurusan & Profesional	68	
<input type="checkbox"/> Sokongan	186	
Awam	383	60.13%
<input type="checkbox"/> Sektor Swasta	93	
<input type="checkbox"/> Orang Awam	286	
<input type="checkbox"/> Ahli Majlis	1	
<input type="checkbox"/> Ahli Politik	3	
JUMLAH	637	100%

Masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk menghukum dan menyekat tindakan individu sekiranya tidak memberi kepentingan kepada masyarakat itu sendiri

Grame P. Maxton

Penulis 'How Modern Economics Has Failed Us'



IACA Tandatangani Perjanjian Dengan SPRM

Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertujuan menekankan usaha bersama mereka memupuk semangat pencegahan dan memerangi rasuah serta sokongan untuk kedaulatan undang-undang dan tadbir urus yang baik.

Perjanjian tersebut, yang telah ditandatangani oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abu Kassim Mohamed dan Pengerusi dan Setiausaha Eksekutif IACA Martin Kreutner semasa Persidangan IAACA awal Oktober baru-baru ini, secara rasminya telah menubuhkan rangka kerja pertama untuk kerjasama bagi Program Sarjana Antarabangsa dalam pencegahan rasuah. Sebahagian daripada program itu akan dijalankan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Kursus selama 24 bulan ini merupakan program penuh pertama bagi kajian rasuah global, menangani rasuah dari pelbagai perspektif dan disertai oleh peserta dari semua lima benua dan semua wilayah. Ianya diwujudkan untuk para pencegah rasuah profesional, pegawai-pegawai polis, hakim dan pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan lain, Program Sarjana Antarabangsa dalam pencegahan rasuah akan dilancarkan pada 9 Dis bersempena dengan Hari Anti Rasuah Sedunia.

Datuk Seri Abu Kassim merupakan ahli Kumpulan Pakar INTERPOL berkaitan Rasuah (IGEC) dan ahli jawatankuasa eksekutif Lembaga Penasihat Akademik Antarabangsa di Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) yang

berpusat di Vienna manakala Martin Kreutner merupakan Presiden Eropah Partners bagi Rangkaian Rasuah (EPAC).

Kreutner berkata ia bukan sahaja akan menggabungkan perspektif rasuah dan undang-undang tetapi juga perspektif rasuah dan sains, rasuah dan keselamatan, rasuah dan politik serta ekonomi.

“Modul ini akan mencerminkan persefahaman dan kerjasama antarabangsa dalam memerangi rasuah dan kini menjadi sangat penting dan daripada itu kita letakkan penekanan yang kuat terhadap kerjasama antarabangsa,” katanya.

IACA berfungsi sebagai pusat kecemerlangan bebas dalam bidang pencegahan rasuah melalui pendidikan, latihan, rangkaian kerjasama, dan penyelidikan akademik mengikut pendekatan holistik antarabangsa, antara disiplin, antara sektor, integratif dan mampan.

Kerjasama IACA-SPRM dijangka menjana sinergi dan meningkatkan perkongsian pengetahuan antara satu sama lain dan dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain serta menyokong setiap misi dan objektif masing-masing.

Perkongsian itu menandakan pengiktirafan IACA terhadap usaha pencegahan rasuah SPRM secara domestik dan antarabangsa melalui MACA yang berperanan sebagai pusat latihan yang cemerlang dalam bidang pencegahan rasuah dan lain-lain bentuk program pembinaan kapasiti pencegahan rasuah.



Interaksi Umum



1. "Sangat membanggakan apabila Malaysia mampu menjadi tuan rumah untuk persidangan antarabangsa. Diharapkan akan ada lebih banyak lagi persidangan mengenai rasuah dan langkah-langkah pencegahan."

PPJ CH'NG SOON HENG
KETUA CAWANGAN
SPRM SABAH

2. "Dapat memahami polisi SPRM dan agensi daripada seluruh dunia dalam menangani rasuah. Diharapkan daripada persidangan ini kita dapat mencari penyelesaian dalam usaha memerangi rasuah dan mendidik masyarakat membenci rasuah."

VINCENT
MALAYSIA PAPER
MERCHANTS
ASSOCIATION



4. "Masyarakat Malaysia menganggap rasuah itu sebagai satu kebiasaan. Apa yang saya nampak, kerajaan kita mencuba sedaya upaya untuk membanteras rasuah. Jadi, diharapkan kita dapat tahu bagaimana untuk menagani kes-kes rasuah dan panduan-panduan atau pendekatan lain yang mungkin kita tidak tahu."

MISNIRAH HASSAN
PEGAWAI PERUNDING
MALAYSIAN BUILDERS SDN
BHD



6. Persidangan ini sangat penting. Langkah-langkah pencegahan haruslah berpanjangan. Jadi, dengan adanya persidangan seperti ini dapat menjalinkan kerjasama antara negara-negara. Contohnya untuk mengekstradisi koruptor-koruptor yang lari ke negara lain.

D.ANDHI
KEJAKSAAN INDONESIA



3. "Saya melihat Malaysia sangat serius dalam menangani rasuah. Saya harap dapat mempelajari sesuatu dan dapat mempraktikkannya di negara kami. Kami telah mengadakan perbincangan dengan SPRM dan itu menjadi motivasi kami untuk memerangi rasuah."

RICHARD QUAYSON
COMMISSION OF HUMAN
RIGHTS AND ADMINISTRATIVE
JUSTICE, GHANA



5. "Saya harapkan sebagai penjawat awam saya dapat mempelajari sesuatu. Mungkin ada teknik-teknik lain yang dapat digunapakai. Kita tidak boleh terlalu bergantung dengan agensi atau jabatan untuk mengekang gejala ini. Ia perlu ada dalam diri kita sendiri."

ROSLAN ABD RAHMAN
PEGAWAI PENGUATKUASA
JABATAN HUTAN



Ikrar Integriti Bukti PKNNS Komited Sokong Usaha Cegah Rasuah



SEREMBAN - Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) baru-baru ini telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membuktikan agensi itu komited dalam menyokong usaha kerajaan membasmi rasuah.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Utama Mohamad Hassan berkata usaha menandatangani ikrar itu dianggap sebagai satu langkah yang tepat memandangkan PKNNS merupakan sebuah agensi yang menjalankan perniagaan.

Katanya ikrar integriti tersebut perlu ada bagi mengelak kakitangan agensi dan anak syarikat terjebak dengan rasuah.

"PKNNS merupakan perbadanan yang pertama di Negeri Sembilan yang mengambil inisiatif ini dalam usaha memperkukuhkan agensi dan anak-anak syarikat bagi memastikan usaha membanteras rasuah di kalangan agensi kerajaan di sini dapat dilaksanakan.

"Ini merupakan satu perkara yang boleh disebar luas dan patut diikuti oleh agensi kerajaan lain yang menjalankan perniagaan dan dijadikan sebagai satu budaya dalam urusan perniagaan yang dijalankan," katanya.

Pada majlis tersebut Mohamad turut menyaksikan Ikrar Integriti Korporat ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNNS, Datuk Mohd Yusof Yunus dengan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Sutinah Sutan di Royale Bintang, Seremban.

Mohamad pada masa sama turut menyatakan bahawa pihaknya akan mendapatkan khidmat nasihat SPRM dari semasa ke semasa.

"Kita akan buat langkah susulan dari segi khidmat nasihat kawalan dalaman daripada SPRM dan jika perlu kita akan ambil kakitangan untuk pastikan kawalan dalaman yang kukuh dan lengkap," katanya ketika sidang media pada majlis tersebut.

MACA : PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA

Latar Belakang

Pusat Pengajian Antarabangsa [PPA] ditubuhkan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dengan bertanggungjawab untuk :

- Merancang dan menyediakan kursus, seminar dan bengkel mengenai program pencegahan rasuah dengan penyertaan peserta-peserta dari agensi penguatkuasaan rasuah dari luar negara.
- Mengendalikan seminar dan bengkel dalam usaha pembanteras rasuah serantau dengan kerjasama agensi dan organisasi antarabangsa.

Sejarah

Mula ditubuh dan beroperasi pada 1 Disember 2005.

Tenaga Pengajar

Pegawai-pegawai SPRM, pakar-pakar dalam negeri dan pakar-pakar antarabangsa.

Kursus yang ditawarkan / senarai lengkap kursus yang telah dijalankan & peserta kursus

1. "Training Of Management And Prosecution Of Anti-Corruption (EUPOL) Afghanistan"
Tarikh: 13-22 Februari 2012
Peserta: 18 Senior Officers from Attorney General Office, Anti-Corruption Unit, European Police Mission in Afghanistan (EUPOL)
2. "MACA Executive Talk" Topic :Developing of An Ethical Infrastructure – Code of Ethics
Moderator: Dr. Chris J. Saville
MACA International Advisory Board Member
Tarikh: 27 Mac 2012
Peserta: 30 Pegawai dari Agensi Luar dan 50 Pegawai SPRM
3. "MACA Executive Talk"
Topik : "Emotional Intelligence at the Workplace"
Moderator: Mr. SHANKAR R. SANTHI-

RAM

(Lead Trainer & Principal Consultant of EQ Training & Development)
Tarikh: 14 Mei 2012
Peserta: 60 orang pegawai dari pelbagai Agensi dan Jabatan

4. "Anti-Corruption Training Programme For Officials Of Government Inspectorate Of Vietnam"
Tarikh:15-17 Mei 2012
Peserta: 10 orang pegawai dari Government Inspectorate of Vietnam
5. Maca One-Day Seminar "Innovations Around The World In The Fight Of Corruption" & "Learning From Two Recent Success Stories In Fighting Corruption" By Prof. Robert Klitgaard
Tarikh:18 Jun 2012
Peserta: 79 orang pegawai dari pembagai agensi dan SPRM
6. Kursus Bahasa Inggeris "Speaking Out-Loud"
Tarikh:19-21 Jun 2012
Peserta: 30 orang pegawai dan kakitangan SPRM seluruh negeri



7. Joint MACA/OECD Technical Seminar: Promoting the Enforcement of Malaysia's Offence Against Bribing Foreign Public Officials
Tarikh: 26-27 Jun 2012
Peserta: 27 peserta daripada SPRM dan polis

8. Joint MACA/OECD Regional Seminar: (ASEAN Member States + China and India) Ensuring an Effective Legislative Framework for Combating the Bribery of Foreign Public Officials in International Business Transactions
Tarikh: 27-28 Jun 2012
Peserta: 24 peserta daripada agensi tempatan (GLC & MNC) dan agensi anti pencegahan rasuah antarabangsa dan agensi perundangan

9. MACA Executive Talk" SERIES 3/2012
Topik : "Successful Ethics /Compliance / Integrity Officers – Shell Experience"
Moderator: Ms Lynda Costa (SHELL)
Tarikh: 28 Jun 2012
Peserta: 80 peserta daripada agensi tempatan dan SPRM

10. Corruption Prevention And Risk Management In Public Sector Organisation Workshop
Tarikh: 3-7 September 2012
Peserta: 10 orang daripada Agensi Luar Negara

11. Intelligence Based Investiga-

tion Course
Tarikh: 10-14 September 2012
Peserta: 14 Agensi Luar Negara dan warga SPRM

12. Training Seminar For Aisa-Pacific For Governmental Experts And Focal Points Of United Nation Convention Against Corruption (Uncac) Review Mechanism At Maca Collaboration With Unodc Regional Office For South Asia, Bangkok, Thailand
Tarikh: 10-14 September 2012
Peserta: 31 Agensi Luar Negara dan warga SPRM

13. English Language Course (Interpersonal Skills)
Tarikh:18-20 September 2012
Peserta: 26 warga SPRM

14. Certificate IV In Upper Intermediate English Communication Course
Tarikh: 24-28 September 2012
Peserta: 14 warga SPRM

15. MACA/UNDP Asset Recovery Workshop
Tarikh: 1-3 Oktober 2012
Peserta: 21 Agensi Luar Negara, Polis dan warga SPRM

16. Senior Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme MTCP/ MACA
Tarikh: 8-12 Oktober 2012

Peserta: 23 Agensi Luar Negara dan warga SPRM

17. English Language Course (Written English Communication Skills)
Tarikh:16-18 Oktober 2012
Peserta: 17 warga SPRM

18. Southeast Asia (Sea) Anti-Money Laundering Enforcement And Prosecution Programme [The International Governance And Risk Institute)- Gov Risk
Tarikh: 19-23 November 2012
Peserta:45 Agensi Luar Negara dan warga SPRM

19. Effective Communication Skills Course - 2nd Intake
Tarikh: 19-22 November 2012, 10-13 Disember 2012, 17-17 Januari 2013
Peserta: Warga SPRM

20. Advance Reading Skills Course
Tarikh: 28-29 November 2012
Peserta: Warga SPRM

21. Training Of Management And Prosecution Of Anti-Corruption (EUPOL) Afghanistan
Tarikh: 4-12 Disember 2012
Peserta: 14 AFGHANISTAN PARTICIPANTS & 4 EUPOL SECRETARIAT

Tauke Cetak Rompak Rasuah Polis

JOHOR BAHRU – Kerana merasuah RM200.00 kepada seorang pegawai kanan Polis supaya tidak diambil tindakan undang-undang, seorang peniaga VCD cetak rompak dijatuhi hukuman penjara satu hari dan denda RM10,000.

Tertuduh Lee Soon Chuee, 59 tahun mengaku salah terhadap tuduhan memberi wang sogokkan kepada ASP Razali Md. Zin dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Muar. Kesalahan dilakukan pada jam 5.45 petang, 2 Oktober 2010 di R&V Video Center, Jalan Jabar, Parit Jawa, Muar.

Tuduhan di bawah seksyen 17(b) Akta Pencegahan Rasuah Malaysia itu dibicarakan dihadapan Hakim Mahkamah Sesyen 4, Mohamad Haldar Abdul Aziz manakala pendakwa dilakukan pegawai pendakwa SPRM Mohd. Sajori Martubi. Tertuduh tidak diwakili peguam.



Dua Peniaga Mengaku Beri Rasuah

BINTULU – Dua peniaga mengaku salah tuduhan di bawah seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana memberi rasuah kepada penjawat awam.

Pada 2 November 2011, tertuduh pertama Ling Ting Sing, 56 tahun telah memberi wang rasuah sebanyak RM5,000 kepada seorang pegawai SPRM, Ahmad Yassir supaya tidak mengambil tindakan terhadap pemandu lori King Huat Transport, Joseph Chong Shang Sheng yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam. Ting Sing dipenjara satu hari dan denda RM25,000.

Di mahkamah yang sama, Lewis Wang Yong Hua, 39 tahun juga didapati bersalah dan dijatuhi hukuman penjara satu hari serta denda RM 10,000.00 kerana memberi rasuah RM 1,500 kepada Sheikh Mohd Rozi Sheikh Ahmad dari Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Putrajaya supaya tidak mengambil tindakan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Kesalahan dilakukan pada 26 September 2011.

Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Kontraktor Didenda RM60,000

KUCHING – Mahkamah Sesyen Khas Rasuah menjatuhkan hukuman satu hari penjara dan denda RM60,000 ke atas seorang kontraktor setelah mengaku salah mengemukakan tuntutan palsu.

Hakim Ahmad Azhari Abdul Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap Abdul Halik Ali, 39, kontraktor Yusuf Enterprise yang dituduh menipu Pejabat Daerah Bau dan Kerajaan Malaysia, dengan memperdaya pihak berkenaan untuk mempercayai bahawa kerja membaiki Sekolah Kebangsaan Segong bernilai RM30,558.00 dalam Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam telah siap untuk proses pembayaran, sedangkan kerja tersebut belum siap sepenuhnya.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM, Othman Anyan manakalan Abdul Halik tidak diwakili peguam.



Orang Tengah Terima Hukuman

JOHOR BAHRU – Dua orang awam yang bersubahat menerima wang tunai berjumlah RM2,000.00 untuk diberikan kepada pegawai polis sebagai dorongan untuk membantu melepaskan rakannya Abdul Aziz Nursidi yang ditahan di Balai Polis Setia Indah kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah. Masing-masing menerima hukuman dari Mahkamah Sesyen 5, Johor Bahru.

Mohd. Sazlee Kamaludin, 40 didenda RM5,000 atau tiga bulan penjara manakala H Dantti Mohamad, 40 didenda RM4,000 atau tiga bulan penjara oleh Hakim Mohd Nasir Nordin.

Kedua-dua tertuduh yang mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan di bawah seksyen 213 Kanun Keseksaan dan tidak diwakili peguam membayar denda. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwaraya Norfazlin Hamdan.

PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN, MENUTUP RUANG DAN PELUANG RASUAH

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dikenali sebagai sebuah agensi penguatkuasaan. Jika ditanya kepada orang awam, apakah tugas SPRM sudah pasti jawapan yang diterima adalah mencegah rasuah.

Walau bagaimanapun, daripada pandangan mata kasar, orang ramai melihat SPRM hanya menjalankan siasatan ke atas jenayah rasuah. Pada struktur organisasinya, SPRM terbahagi kepada 2 cabang iaitu operasi dan pencegahan.

Pencegahan yang dilakukan termasuklah memeriksa sistem dan prosedur sesebuah jabatan serta memberi khidmat nasihat kepada mana-mana jabatan mahupun agensi yang dilihat mempunyai kelemahan. Bahagian yang menjalankan tugas-tugas ini dikenali sebagai Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP).

Menurut Pengarah bahagian BPMP, TPj Datuk Shaharuddin Bin Khalid, bahagian ini tertakluk di bawah peruntukan seksyen 7 (c), (d), dan (e) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, di mana peranan bahagian ini adalah membuat pemeriksaan ke atas amalan, sistem atau tatacara sesuatu organisasi sama ada sektor awam mahupun swasta bagi mengenalpasti kelemahan yang membuka ruang atau peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta memperakukan cara untuk mencegah ruang dan peluang tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi sektor swasta pemeriksaan dan perundingan dijalankan hanya apabila terdapat permintaan. Ia berbeza bagi sektor awam di mana pemeriksaan dan perundingan boleh dilakukan sekiranya terdapat maklumat yang diterima.

Tujuan diadakan pemeriksaan ke atas sistem dan prosedur tersebut adalah bagi memastikan sistem dan prosedur yang ada di organisasi berkenaan masih bersesuaian atau tidak dalam konteks ia tidak membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah.

Selain itu, bahagian ini juga berperanan memberi khidmat nasihat kepada mana-mana badan awam, organisasi/pertubuhan dan syarikat swasta tentang cara bagaimana rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dapat dicegah dengan berkesan.

Peranan ini tidak berhenti setakat itu sahaja. Setelah diberi khidmat nasihat, bahagian ini menjalankan pemantauan ke atas organisasi berkenaan untuk memastikan perubahan dan penambahbaikan dilaksanakan.

Keseluruhan peranan bahagian ini adalah berasaskan kepada maklumat. Sedikit berbeza daripada bahagian siasatan dan perisikan yang menerima maklumat berkaitan rasuah, bahagian ini menerima maklumat berkaitan kelemahan dalam sistem dan prosedur

BPMP mengaplikasikan konsep:

“Mencegah lebih baik daripada mengubati”
(Pemeriksaan dan Perundingan)

“Mengelak daripada berulang”
(Khidmat Nasihat/Pemantauan)

yang membuka ruang dan peluang. Maklumat yang diterima merupakan arahan daripada Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM), media massa dan aduan daripada orang awam.

Tahun 2012 memperlihatkan BPMP mempergiatkan usaha dengan melaksanakan sebanyak 58 penambahbaikan menerusi khidmat nasihat, 16 ikrar integriti korporat (CIP) di mana 24 program dilaksanakan dan 86 Kertas Pemeriksaan dan Perundingan dibuka.

Hasil daripada pemeriksaan dan perundingan yang dijalankan oleh BPMP ke atas agensi awam yang didapati mempunyai masalah dari segi sistem dan prosedurnya, beberapa akta/dasar dan garis panduan telah dipinda dan diwujudkan. Antaranya:-

- Pindaan ke atas Seksyen 4 (1)

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia 1981 di mana kuasa pelantikan terletak kepada Menteri. Hasil daripada rundingan dan khidmat nasihat yang diberikan, satu cadangan dibuat agar pelantikan Ahli Perbadanan dibuat melalui Jawatankuasa dan telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Kementerian. (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

- Garis Panduan Pembelian Tanah diwujudkan bagi pembangunan estet untuk memastikan pelaburan yang dibuat tidak berlaku ketirisan. (FELCRA)
- JKMMKPK menubuhkan pasukan Kajian Diagnostik SMK bagi mengkaji Borang Kastam K1. Pasukan kajian ini dianggotai oleh MAMPU, Jabatan Audit Negara, JKDM dan SPRM. Ekoran itu, satu sistem baru telah diperkenalkan. (JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA)

Antara jabatan-jabatan yang telah menerima Surat Khidmat Nasihat:

1. Tenaga Nasional Berhad – diberi khidmat nasihat berikutan terdapat kelemahan dalam amalan, sistem dan tatacara mengenai perlaksanaan ke atas 5 perkara iaitu:

- a. Saluran aduan
- b. Kod etika jabatan
- c. Penerimaan dan pemberian hadiah
- d. Unit pematuhan
- e. Program audit nilai

2. Kementerian Belia dan Sukan – khidmat nasihat diberi setelah didapati terdapat kelemahan dalam pemeriksaan amalan, sistem dan prosedur kerja berhubung pengeluaran wang sumbangan untuk program belia

oleh Bahagian Kewangan

3. Islamic Relief Malaysia (IRM) – BPMP memberi khidmat nasihat mengenai amalan, sistem, dan tatacara kerja dalam penyaluran bantuan bencana dari Dana Kebajikan

Banyak penambahbaikan yang telah dilakukan hasil daripada khidmat nasihat dan pemeriksaan yang dijalankan oleh bahagian ini. Antaranya adalah daripada Ikrar Integriti Korporat dan Persepakatan Integriti. Impak daripada kedua-duanya adalah:

1. Mengurangkan kos perniagaan
2. Meningkatkan daya saing
3. Meningkatkan pertumbuhan hasil dan produktiviti
4. Meningkatkan keupayaan memasuki pasaran baru
5. Dapat mengekalkan kestabilan syarikat
6. Dapat menarik pelabur dari dalam dan luar negara.

Dalam pada itu Shaharudin berkata 2013 bakal menjadi era untuk memastikan pemantauan ke atas CIP dilaksanakan sepenuhnya supaya tahap integriti di setiap organisasi, agensi mahupun sektor swasta meningkat sejajar dengan kehendak kerajaan. Bagi sistem dan prosedur pula, bahagian ini akan memberi lebih kesedaran kepada jabatan kerajaan. Pemantauan yang agresif akan dilaksanakan ke atas organisasi yang telah menandatangani CIP untuk memastikan mereka patuh kepada ikrar yang telah mereka patikan.

Datuk Shaharuddin
Bin Khalid



Dalam menjana pendapatan moral yang tinggi harus dipraktikkan. Kita mestilah mengekalkan dan mengamalkan sifat jujur dan berintegriti, serta menjauhkan diri dari sifat tamak dan angkuh.

- Tan Sri Robert Kuok

Jaminan Keselamatan SPRM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius dan mengambil berat syor yang diutarakan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) dalam kes Teoh Beng Hock, mengenai tahap keselamatan di SPRM. Justeru, bermula dari tahun 2010 SPRM telah mula menambahbaik dan mempertingkatkan jaminan keselamatan ke atas pegawai, kakitangan, orang kena tuduh (OKT)/suspek, saksi dan pelawat.

BILIK RAKAMAN VIDEO (VIR)

Bilik Rakaman Video (VIR) merupakan inisiatif utama SPRM dalam usaha mempertingkatkan keselamatan awam. Objektif utama pemasangan bilik bervideo ini adalah untuk memastikan segala rekod pernyataan terutama orang tertuduh dan saksi-saksi kes dibuat secara teratur, telus tanpa dorongan, ancaman atau janji. Sehingga hari ini sebanyak 34 bilik VIR telah dibangunkan di 25 buah pejabat SPRM seluruh negara yang dianggarkan bernilai RM 5.2 juta. Lazimnya bilik ini ditempatkan di aras bawah pejabat SPRM. Selain itu, untuk memastikan pegawai-pegawai mahir menggunakan peralatan di bilik VIR, SPRM mendapatkan kerjasama daripada Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong yang berpengalaman menggunakan VIR memberi input dan latihan mengenai penggunaan VIR dengan sebaik mungkin.

VIR dilengkapi dengan sistem CCTV yang mempunyai empat sisi pandangan, di mana ia boleh merakam setiap butir pergerakan dan percakapan tertuduh ataupun saksi dengan jelas dan terang

tanpa sebarang gangguan. Pemasangan dua jenis kamera yang canggih juga mampu memaparkan imej yang jelas walaupun berada dalam suasana yang gelap dan terang. VIR ini turut dipasang dengan paparan jam digital yang menunjukkan masa, tarikh dan suhu bilik sekali gus mengelakkan daripada kandungan dalam video rakaman diubah. Suhu yang selesa untuk persekitaran bilik ini ialah antara 21C hingga 24C. Ciri-ciri keselamatan VIR lebih terjamin kerana ia akan dikunci dengan rapi setelah selesai digunakan bagi mengelakkan berlakunya sebarang kecuriaan atau kehilangan peralatan.

KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)

Merupakan langkah keselamatan yang asas bagi menjamin keselamatan sesebuah bangunan. Ia bertindak sebagai pemerhati setiap gerak geri orang yang keluar atau masuk ke sesebuah premis. Pada tahun 2011, kesemua 37 buah pejabat SPRM diseluruh negara telah dilengkapi dengan 597 unit CCTV yang berfungsi 24 jam.

Penggunaan CCTV ini dilihat masih relevan dan mampu menangani sebarang tohmahan negatif. Rakaman CCTV juga boleh dijadikan bukti sekiranya terdapat tuduhan-tuduhan oleh suspek ataupun saksi semasa diambil keterangan mahupun ketika di dalam tahanan SPRM.

Selain itu, SPRM melalui Bahagian Keselamatan juga bercadang untuk menambah sebanyak 410 unit CCTV agar setiap pergerakan yang berlaku di sekeliling pejabat-pejabat SPRM ini dapat dirakamkan dengan lebih jelas lagi.

JERJI BESI, MESIN PENGIMBAS, PEMETERAIAN (SEALED) TELEFON BIMBIT dan PENGIRINGAN PEGAWAI

Dalam memastikan tahap keselamatan berada di tahap maksimum, SPRM juga menggunakan kaedah-kaedah keselamatan lain seperti memasang jerji besi (gril) di setiap pejabatnya, menggunakan mesin pengimbas untuk memastikan tiada senjata berbahaya yang dibawa dan pemeteraian telefon bimbit bagi membendung ketirisan maklumat. Langkah-langkah ini walaupun dilihat agak ketinggalan dari segi kecanggihannya, namun masih penting demi memastikan risiko untuk berlakunya kemalangan dapat diminimalkan.

Pengirangan pegawai SPRM ke atas suspek, saksi mahupun pelawat yang datang ke SPRM bukanlah bertujuan untuk menyekat kebebasan seseorang individu. Pengirangan ini bertujuan agar mereka menemui pegawai yang betul, dilayan dengan baik dan memastikan mereka sentiasa selamat semasa berada di dalam premis SPRM. Oleh yang demikian, tempoh waktu menunggu pelawat adalah kurang daripada 30 minit. Sekiranya tidak, individu boleh membuat aduan kepada pihak pengurusan atasan SPRM.

Pelbagai penambahbaikan ke atas keselamatan fizikal ini diyakini dapat meningkatkan tahap keyakinan dan kerjasama segenap lapisan masyarakat dalam usaha mengubah persepsi dan seterusnya mengembalikan reputasi SPRM.

BANGGA SUAMIKU PEGAWAI SPRM



“
Antara percaya dengan tidak, ditemani ahli keluarga, beliau gagahkan jua semangatnya. Doa dipanjatkan agar tiada perkara buruk yang terjadi. Namun, sekiranya telah ditakdirkan, beliau sedia menerima sebarang kemungkinan dengan redha.”

Isteri mana yang tidak terkejut apabila dimaklumkan suaminya terkena tembakan. Apatah lagi ketika itu, masih lagi dalam keadaan berpantang. Antara percaya dengan tidak, ditemani ahli keluarga, beliau gagahkan jua semangatnya. Doa dipanjatkan agar tiada perkara buruk yang terjadi. Namun, sekiranya telah ditakdirkan, beliau sedia menerima sebarang kemungkinan dengan redha. Itulah luahan hati Puan Jawahil binti Hj Daud, isteri kepada seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Setibanya di Hospital Kota Bharu (HKB), langkahnya dihentikan bagi memberi laluan kepada ahli keluarga yang lain untuk melihat keadaan suaminya terlebih dahulu. Debaran yang dirasai ketika itu, membuatkan semangatnya sedikit goyah untuk berhadapan dengan apa jua kemungkinan. Terbayang di matanya kala itu, nasib anak-anak seramai 5 orang yang masih kecil.

Tetapi sebaik sahaja dimaklumkan keadaan suaminya stabil, barulah semangatnya kembali seperti sedia kala.

Suaminya yang kini menjawat jawatan Penolong Pesuruhjaya di Suruhanjaya SPRM, Yusoff bin Awang Lah menceritakan, kejadian berkenaan berlaku pada tahun 1998. Ketika itu beliau masih lagi menjawat jawatan Pegawai Siasatan dan baru sahaja ditukarkan ke SPRM Kota Bharu dari SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tidak pernah terlintas, beliau akan berhadapan dengan detik cemas tersebut.

Mengimbas kembali kejadian yang berlaku pada tanggal 14 Oktober 1998, beliau telah diarahkan mengikuti satu operasi tangkapan di mana seorang penjual emas tidak berlesen telah membuat aduan di SPRM Kota Bharu bahawa beliau telah diminta oleh seorang anggota polis yang berpangkat Sarjan sejumlah wang untuk

mengelakkan daripada diambil tindakan kerana membuat proses jual beli tanpa lesen.

Pada hari kejadian, beliau bersama beberapa lagi pegawai SPRM yang lain membuat perancangan yang rapi. Dua orang pegawai wanita diarahkan untuk menjadi pembeli emas daripada pengadu manakala yang bersedia untuk membuat tangkapan.

Selesai membuat urusan jual beli emas, kelihatan kelibat anggota polis yang dimaksudkan memasuki premis. Sebaik menerima isyarat daripada pengadu, beliau bersama Penolong Pesuruhjaya Jamaluddin bin Putih, memperkenalkan diri kepada anggota polis tersebut. Tidak semena-mena, anggota polis tersebut menarik pistol yang dibawa bersamanya dan melepaskan tembakan. Tembakan pertama yang dilepaskan terkena bahagian abdomen beliau dan tembakan kedua, terkena



“
Apa jua tugas yang diberikan haruslah diterima dengan baik dan dilaksanakan dengan jujur dan amanah. Musibah dan rintangan yang datang janganlah dijadikan alasan atau peluntur semangat anggapliah ia sebagai satu ujian.”

bahagian peha PPj Jamaluddin. Drama tembak-menembak tersebut tidak berakhir di situ. Setelah gagal mencari pengadu, anggota polis berkenaan berpatah balik ke premis kejadian dan berlaku pergelutan antara suspek dengan seorang lagi pegawai SPRM iaitu PsK Hj Ab. Rahim bin Mohamed. Ketika itu, tembakan turut dilepaskan dan terkena lengan pegawai SPRM terbabit. Tembakan terakhir dilepaskan terkena bahagian punggung beliau. Pergelutan berakhir setelah suspek berjaya ditewaskan dan dibawa ke balai.

Menurut PPj Yusoff lagi, kejadian itu bagaimanapun tidak melunturkan semangat beliau untuk terus berkhidmat. Bahkan tidak terdetik niat di hati untuk berhenti daripada terus menaburkan bakti kepada negara. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan selepas insiden itu, beliau mengalami sedikit trauma apabila memandang pistol dan ketika mengikuti latihan menembak yang diadakan oleh Bahagian Keselamatan.

Sebagai seorang isteri, pengalaman tersebut tidak akan dilupakan seumur hidupnya. Namun, beliau tidak pernah meminta suaminya berhenti dan mencari kerja yang lebih selamat. Katanya, di mana pun kita berada, musibah tetap ada. Beliau akur dengan sebarang dugaan yang datang kerana sedari awal tugas suaminya sebagai pegawai penguatkuasa berhadapan dengan seribu satu bahaya dan ancaman. Bahkan tambah Puan Jawahil, beliau tidak ada sebarang halangan sekiranya ada di antara anak-anak mereka yang ingin berkhidmat dengan mana-mana agensi penguatkuasaan.

Tiada apa yang mampu dilakukan sekiranya musibah datang melanda. Lantaran itu, setiap kali suaminya melangkah ke tempat kerja, doa dipanjatkan agar suaminya sentiasa pulang dalam keadaan selamat.

Sedikit nasihat daripada PPj Yusoff untuk pegawai-pegawai baru dan orang awam yang berminat untuk menyertai agensi ini, apa jua tugas yang diberi-

kan haruslah diterima dengan baik dan dilaksanakan dengan jujur dan amanah. Musibah dan rintangan yang datang janganlah dijadikan alasan atau peluntur semangat Anggapliah ia sebagai satu ujian. Akhir sekali, beliau mengingatkan semua pegawai agar sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.

Kata pepatah, kalau takut dilambung ombak, jangan bermain di tepi pantai. Bahaya dan agensi penguatkuasaan boleh diibaratkan seperti isi dengan kuku. Namun, barang diingat, tanpa agensi penguatkuasaan seperti SPRM, bermaharajalelalah jenayah dan runtuhlah kerajaan sebuah negara. Sebagai pegawai penguatkuasaan pula, amanah dan tanggungjawab mestilah dilaksanakan dengan jujur. Janganlah sewenang-wenangnya menyalahgunakan kuasa yang diberikan. Akhir kata, bersama-samalah kita menjayakan slogan 'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'.



Media Jadi Penyampai Utama Kepada Masyarakat

KUALA LUMPUR - Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil berkata, pihak media berperanan sebagai ejen penyampai utama kepada masyarakat dalam menghebahkan sesuatu isu atau maklumat.

Malah tegas beliau lagi, persepsi positif terhadap SPRM bertitik tolak daripada peranan yang dimainkan golongan media kerana masyarakat mendapat maklumat utama melalui pembacaan dan mendengar sesuatu daripada sumber oleh media.

Shamshun berkata demikian ketika sesi dialog sempena Majlis SPRM Bersama Penyiar Radio RTM 2012 di Akademi

Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) di sini pada 9 Oktober lalu. Turut menjadi ahli panel Ketua Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat SPRM, PKPj Azmi Alias.

“Peranan media juga menjadi semakin berat dan mencabar selaras dengan pembangunan negara. Justeru, penglibatan media untuk terus membantu dan menyokong SPRM dalam menjalankan peranannya mencegah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan amatlah dialu-alukan,” katanya lagi.

Majlis itu bertujuan mewujudkan saluran penyebaran maklumat yang lebih efektif kepada masyarakat khususnya para pendengar radio selain menggalakkan kerjasama SPRM dengan RTM dalam usaha memerangi rasuah dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

KUALA LUMPUR - Penekanan nilai-nilai integriti dan pencegahan rasuah sejak di bangku sekolah mampu menjadi benteng kukuh bagi menghindarkan pelajar daripada terjebak dengan gejala rasuah setelah menempuh alam pekerjaan.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan agar Kementerian Pelajaran memasukkan modul integriti dan pencegahan rasuah ke dalam mata pelajaran Pendidikan Agama, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral di sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan berkata, cadangan memasukkan modul tersebut ke dalam tiga mata pelajaran berkenaan telah dihantar ke Kementerian Pelajaran pada Jun lepas, malah pihaknya juga sudah berbincang dengan Jabatan Kokurikulum kementerian itu mengenai inisiatif berkenaan.

“Selain itu, kita juga berbincang dengan Institut Pendidikan Guru untuk menubuhkan sekretariat pencegahan rasuah di semua pusat latihan perguruan bagi melatih guru pelatih berkaitan nilai-nilai murni seperti amanah, jujur, ikhlas dan integriti, iaitu antara elemen yang akan dimasukkan dalam modul itu,” katanya selepas merasmikan persidangan Pencegahan Rasuah bersama Pengetua, Guru Besar dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan pada 2 Oktober lalu.

Sutinah berkata, peranan pihak sekolah dalam membentuk modal insan cemerlang juga akan menjadi lebih berkesan dengan terlaksananya modul berkenaan.

“Dalam membentuk modal insan cemerlang pihak sekolah juga mempunyai peranan penting dan sekiranya cadangan ini dilaksanakan, kita yakin pelajar akan menjadi lebih berwibawa dan berintegriti apabila bekerja kelak,” katanya lagi.

Modul Integriti Dan Pencegahan Rasuah Dalam Mata Pelajaran





BOLEH SIASAT Walaupun Tanpa Laporan Atau Aduan Rasmi

PETALING JAYA - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Abu Kassim Mohamed menegaskan SPRM boleh menyiasat sesuatu kes rasuah walaupun badan berkuasa itu tidak menerima laporan atau aduan rasmi sebagaimana lazimnya.

Beliau berkata, SPRM mempunyai kuasa menyiasat mana-mana kes rasuah daripada sumber lain sama ada dari laporan akhbar mahupun Internet asalkan ia mempunyai unsur-unsur rasuah. Malah timbalannya (Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi), Datuk Mohd Shukri Abdull bersama beberapa pegawainya akan bermesyuarat setiap pagi bagi menilai wujudnya kes rasuah sama ada yang diperolehi daripada laporan akhbar, Internet atau sumber lain selain aduan rasmi.

“Apa yang penting kes ini perlu ada unsur rasuah. Jika ada, kita akan siasat tanpa perlu ada laporan atau aduan rasmi. Sebagai badan yang bertanggungjawab membanteras rasuah kita perlu bertindak secara proaktif,” katanya.

Abu Kassim berkata kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara SPRM dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) di Petaling Jaya pada 28 Mac lalu.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, Pengerusi Kumpulan Prasarana, Tan Sri Ismail Adam dan Pengarah Urusannya, Datuk Shahril Mokhtar.

Terdahulu dalam ucapannya, Abu Kassim berkata, setakat ini sebanyak 71 syarikat swasta telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) iaitu satu program yang bertujuan membudayakan amalan anti rasuah dalam syarikat.

“Kesan program ini akan menghasilkan satu proses kerja yang jelas dan telus dalam setiap urusan niaga sekaligus meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan terhadap pentadbiran syarikat,” katanya lagi.

Kanak-kanak tidak mengadili antara satu sama lain berdasarkan bangsa, warna kulit atau agama – ia tidak memberi perbezaan kepada mereka. Tetapi perbezaan itu memberi makna kepada orang dewasa. Malahan ibu bapa mengajar mereka supaya sentiasa curiga terhadap sesiapa juga yang berbeza.

M. Bakri Musa,

Pakar bedah dan penulis blog Malaysia di Amerika Syarikat





Bersama Perangi
RASUAH...

...Kerana RASUAH
Membawa
KESENGSARAAN



BEBAS • TELUS • PROFESIONAL

Email: info@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
SMS : 019 6000 696
Gerbang SMS :
 Taip SPRM MENU & Hantar ke 16888

Anda
Boleh Lakukan Perubahan

PERANGI
Rasuah

